

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [ SIK ]**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [ SIK ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan langkah ke hadapan untuk memastikan program IPG (Intensif Pengeluaran Getah) kepada penoreh getah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan khususnya insentif yang diberikan juga dimanfaatkan oleh penoreh getah yang tidak mempunyai kebun dan hanya mengambil upah menoreh di kebun milik orang lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil terutamanya di luar bandar dalam membuat tuntutan Insentif Pengeluaran Getah (IPG). Untuk makluman, penoreh getah yang menjalankan aktiviti penorehan di kebun milik orang lain, IPG masih boleh dinikmati melalui kebenaran dari pemilik kebun menerusi pemilihan nisbah tuntutan IPG yang telah ditetapkan. Antara langkah yang diambil untuk memastikan IPG dilaksanakan dengan berkesan;

- (a) Mendapatkan kerjasama dan bantuan dari pelesen (peraih getah) dan ketua kampung untuk mengumpul dan menghantar borang tuntutan IPG pekebun kecil ke pejabat LGM berdekatan. Oleh itu, pekebun kecil

## SOALAN NO : 8

boleh mengemukakan borang tuntutan kepada pelesen atau ketua kampung masing-masing;

- (b) Pegawai LGM juga turut turun padang ke lokasi tumpuan seperti yang dicadangkan oleh ketua kampung bagi mengutip borang tuntutan IPG daripada pekebun kecil. Di antara lokasi tumpuan adalah balai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), masjid atau surau, Pejabat Daerah dan Pejabat RISDA yang berdekatan. Oleh itu, pekebun kecil boleh menghantar borang ke lokasi tersebut pada tarikh dan masa yang ditetapkan; dan
- (c) Mewujudkan kerjasama koordinasi IPG antara RISDA dan LGM di mana RISDA berperanan sebagai pemudahcara dalam membantu mengumpul borang tuntutan IPG daripada pekebun kecil sebelum diserahkan kepada pihak LGM.

Oleh demikian, pendekatan ini dapat memudahkan proses tuntutan IPG di kalangan pekebun kecil sekali gus memastikan pekebun kecil dapat menikmati insentif yang telah diperkenal oleh pihak Kerajaan bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh pekebun kecil semasa harga getah rendah.

Sekian terima kasih.